

**KESAN PROGRAM PENDITA TERHADAP TAHAP
PENGUASAAN MEMBACA DALAM KALANGAN
MURID TINGKATAN SATU**

NORASYIKIN BINTI ANUAR



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2007**

**KESAN PROGRAM PENDITA TERHADAP TAHAP
PENGUASAAN MEMBACA DALAM KALANGAN
MURID TINGKATAN SATU**

NORASYIKIN BINTI ANUAR

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA**

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2007**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)_____
(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

NORASYIKIN BINTI ANUAR
PS05-006(K)-013
1.06.2007



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Penyelidik mengucapkan terima kasih kepada pihak yang telah menyokong kajian ini. Bagi penulis, kajian ini adalah satu rahmat yang memperkayakan lagi ilmu pengetahuan penulis. Penulis juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Penyelia Desertasi ini iaitu Prof. Madya Dr. Khairi Zawi. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada para pensyarah yang telah memberi tunjuk ajar kepada penyelidik. Penyelidik juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga yang memberi sokongan dan dorongan untuk menjayakan kajian ini. Demikian juga dengan Pentadbir-pentadbir sekolah, rakan sekerja dan rakan-rakan sekelas yang memberi sumbangan idea dalam menjayakan kajian ini.

NORASYIKIN BINTI ANUAR
PS05-006(K)-013



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kesan Program Pendeta terhadap tahap penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan pelajar Tingkatan Satu. Penguasaan kemahiran membaca dalam kajian ini diukur melalui pencapaian pelajar dalam penguasaan huruf, suku kata, perkataan dan ayat. Ujian yang digunakan berdasarkan Ujian PROTIM dan hanya ujian Kemahiran Membaca Lisan digunakan dalam kajian ini. Ujian tersebut mengandungi 12 kemahiran berkaitan mengenal huruf (12 soalan), suku kata (34 soalan), perkataan (49 soalan) dan ayat (5 soalan). Data diperolehi daripada ujian akan dianalisis menggunakan Ujian-t. Analisis yang dijalankan menunjukkan perbezaan min yang signifikan di antara pelajar Pendeta dan pelajar bukan Pendeta bagi penguasaan huruf ($M = -94.54$, $s.p. = 34$), penguasaan suku kata ($M = -85.26$, $s.p. = 34$), penguasaan perkataan ($M = -71.086$, $s.p. = 34$) dan akhirnya penguasaan ayat ($M = -72.26$, $s.p. = 34$). Kajian ini dijangka dapat menyumbang ke arah pengumpulan maklumat mengenai pelajar-pelajar berprestasi akademik rendah dan program membaca di sekolah menengah.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

THE EFFECT OF PROGRAM PENDETA TOWARD READING SKILL AMONG FORM ONE STUDENTS

This research is conducted to see the improvement of reading skill through *Program Pendeta* among Form One students. The improvement of reading skill is measured by students achievement on discrimination of letters, syllables, words and sentences. Only oral reading skill of PROTIM test had been used for this research. The test consists of 100 questions from 12 reading sub skills related with discrimination of letter (12 questions-12 marks), syllables (32 questions-32 marks), words (49 questions-49 marks) and sentence (5 questions-5 marks). T-test was used to analyse the data from pre and post test of both treatment and control groups. The analysis showed a significant min difference between Pendeta Students and Non Pendeta students for discrimination of letters ($M = -94.54$, $s.d. = 34$), syllables ($M = -85.26$, $s.d. = 34$), words ($M = -71.086$, $s.d. = 34$) and sentences ($M = -72.26$, $s.d. = 34$). This research is expected to contribute to some information for the secondary schools with a same problem to get the real picture of a suitable reading programme.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KATA KUNCI

Kemahiran Membaca, Murid berprestasi rendah, Program Pendeta,
Ujian PROTAM



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

BPPDPP	Bahagian Perancangan Penyelidikan dan Pembangunan Pendidikan
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KI2M	Kelas Intervensi 2 M
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PI2M	Program Intervensi 2M
PROTIM	Program Pemulihan 3 M Pasca-UPSR
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
3.1	Pemboleh ubah dan jenis pemboleh ubah	58
3.2	Item Ujian Protim	60
3.3	Pelaksanaan Pengumpulan Data	63
3.4	Ujian-ujian statistik	68
4.1	Bilangan responden	69
4.2	Penguasaan Huruf	70
4.3	Penguasaan Suku kata	71
4.4	Penguasaan Perkataan	73
4.5	Penguasaan Ayat	74
4.6	Rumusan Dapatan Kajian	75



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	11
2.1	Faktor Penyumbang Kepada Pelajar Berisiko	19
2.2	Ciri-ciri Pelajar Bermasalah Pembelajaran	20
2.3	Lapan Jenis Pembelajaran Gagne	29
2.4	Model Pembacaan Atas Ke Bawah	31
2.5	Model Pembacaan Bawah Ke Atas	33
2.6	Pengajaran Awal Bacaan	48
2.7	Kerangka Teoritikal Kajian	51
3.1	Rekabentuk Eksperimen Ujian Pasca	54
3.2	Rumusan Bilangan Populasi dan Sampel Kajian	56
3.3	Pembahagian Sub Kemahiran dan Markah	67
4.1	Carta Penguasaan Huruf	70
4.2	Carta Penguasaan Suku kata	72
4.3	Carta Penguasaan Perkataan	73
4.4	Carta Penguasaan Ayat	75
5.1	Kerangka Dapatan Kajian	82

KANDUNGAN

Halaman

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KATA KUNCI	v
SENARAI SINGKATAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
KANDUNGAN	ix
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Soalan Kajian	5
1.5 Tujuan kajian	5
1.6 Objektif Kajian	6
1.7 Hipotesis Kajian	6
1.8 Definisi Operasional	7
1.8.1 Kemahiran Membaca	7
1.8.2 Huruf	7
1.8.3 Suku kata	7
1.8.4 Perkataan	8
1.8.5 Ayat	8
1.8.6 Program Pendeta	8
1.8.7 Pelajar berprestasi rendah	9
1.9 Kepentingan kajian	9
1.10 Batasan Kajian	10

1.11	Kerangka Konseptual Kajian	11
1.12	Kesimpulan	12

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	13
2.2	Definisi konsep	13
2.2.1	Program Pendeta	13
2.2.2	Kemahiran membaca	15
2.2.3	Masalah Pembelajaran dan pelajar berprestasi rendah	17
2.3	Kemahiran Membaca Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia	21
2.3.1	Asas Bacaan	21
2.3.2	Tahap Pengajaran Kemahiran Membaca	22
2.3.3	Intervensi Kemahiran Membaca	23
2.3.3.1	Program KI2M	25
2.3.3.2	Program PROTIM	25
2.4	Teori Pembelajaran	27
2.4.1	Teori Pembelajaran Gagne	27
2.5	Model	30
2.5.1	Model atas ke bawah	30
2.5.2	Model bawah ke atas	32
2.6	Kajian Lepas Dalam Negara	33
2.6.1	Faktor Yang Mempengaruhi Kemahiran Membaca	34
2.6.2	Mengenal pasti pelajar bermasalah pembelajaran	37
2.6.3	Rawatan	38
2.7	Kajian Lepas Luar Negara	40
2.7.1	Faktor Yang Mempengaruhi Kemahiran Membaca	40
2.7.2	Rawatan	45
2.8	Kerangka Teoritik Kajian	50
2.9	Kesimpulan	52

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	53
3.2	Metodologi Kajian	53
3.2.1	Reka Bentuk Kajian	53
3.2.2	Sampel kajian	55
3.2.3	Lokasi Kajian	57

3.2.4	Pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian	57
3.2.5	Program Pendeta	58
3.2.6	Instrumen kajian	59
3.2.7	Prosedur Kajian	61
3.2.8	Prosedur Pengumpulan Data	62
3.3	Kawalan Kesahan Dalam	64
3.4	Teknik Analisis	66

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pendahuluan	69
4.2	Latar belakang responden	69
4.3	Prestasi Penguasaan huruf pelajar Pendeta dan bukan Pendeta	70
4.4	Prestasi Penguasaan pembacaan suku kata bagi pelajar Pendeta dan bukan Pendeta	71
4.5	Prestasi Penguasaan pembacaan perkataan bagi pelajar Pendeta dan bukan Pendeta	72
4.6	Prestasi Penguasaan pembacaan ayat bagi pelajar Pendeta dan bukan Pendeta	74
4.7	Rumusan	75

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	76
5.2	Perbincangan	76
5.2.1	Pendekatan Kajian	76
5.2.2	Ciri Demografi Responden	77
5.2.3	Hipotesis kajian	78
5.3	Model Konseptual Dapatan Kajian	82
5.4	Rumusan	83
5.5	Cadangan	84
5.6	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	86
5.7	Penutup	87

RUJUKAN	88
----------------	----

LAMPIRAN:	92
------------------	----

LAMPIRAN A: Ujian Membaca Lisan PROTİM

LAMPIRAN B: Kertas Kerja Program Pendeta

LAMPIRAN C: Modul PROTIM

LAMPIRAN D: Kebenaran Membuat Kajian BPPDPP

LAMPIRAN E: Kelulusan Menggunakan sampel Jabatan Pelajaran Negeri Sabah

LAMPIRAN F1: Jadual Data Mentah (Pendeta)

LAMPIRAN F2: Jadual Data Mentah (Bukan Pendeta)

LAMPIRAN G: Jadual Rumusan Analisis Dapatan Pendeta – Bukan Pendeta



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem pendidikan di Malaysia memastikan semua pelajar mendapat hak untuk mendapatkan pendidikan. Ketidaksamaan dalam mendapat pendidikan wujud jika semua pelajar tidak kira latar belakang, lokasi dan sosioekonomi mendapat peluang masuk ke sekolah, mendapat pendidikan asas sempurna dan mengambil bidang yang sesuai dengan mereka. Pelajar yang mempunyai pelbagai kemahiran pula dialirkan ke kelas-kelas yang berbeza mengikut kebolehan mereka agar dapat mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran mengikut tahap masing-masing.

Penekanan ketidaksamaan dalam pendidikan akan memberikan implikasi bahawa pihak sekolah dan guru harus memikirkan cara untuk memastikan wujud ketidaksamaan pendidikan di sekolah. Salah satunya adalah dengan memastikan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di dalam bilik darjah. Ada berbagai-bagai pendekatan boleh digunakan oleh seseorang guru untuk mendapatkan pengajaran dan pembelajaran berkesan. Pendekatan yang digunakan oleh seseorang guru mungkin berbeza-beza kerana pendekatan perlu disesuaikan dengan objektif dan keupayaan pelajar yang hendak diajar. Tugas guru tidak selesai hanya dengan pengajaran dan pembelajaran. Guru harus memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan pencapaian objektif.

Oleh itu, guru harus cuba mengatasi masalah ketidaksamaan tersebut. Salah satu masalah ketidaksamaan yang wujud di sekolah terutamanya sekolah-sekolah kawasan pedalaman ialah kadar penerimaan pelajaran yang lemah. Hal ini bermula dengan isu asas dalam kemahiran belajar iaitu pelajar gagal menguasai kemahiran 3M iaitu kemahiran membaca, menulis dan mengira. Kegagalan menguasai 3M di sekolah menengah akan menimbulkan kecenderungan guru untuk melabel pelajar sebagai lemah. Sharifah (2000) menyenaraikan perbuatan dan tindakan melabel pelajar sebagai berstatus rendah adalah satu bentuk ketidaksamaan pendidikan.

1.2 Latar belakang Kajian

Perkembangan sistem pendidikan di Malaysia pada era ini memungkinkan ketidaksamaan penerimaan pendidikan di kalangan pelajar dapat diaplikasikan di semua sekolah tanpa mengira saiz dan lokasi sekolah mereka. Malah, segala dasar kerajaan melalui Kementerian Pelajaran ditumpukan untuk memacu segala usaha ke arah mencapai hasrat membentuk generasi yang mempunyai pendidikan bertaraf dunia. Pendidikan bertaraf dunia ini adalah satu tanda aras untuk membentuk generasi yang mempunyai 'minda kelas pertama' sebagaimana hasrat kerajaan dalam Rancangan Jangka Panjang Ke 9 2006-2010.

Kerajaan juga berhasrat memastikan pemupukan modal insan terhadap generasi muda. Ketidaksamaan pendidikan ditekankan dalam dasar kerajaan terhadap pendidikan dalam tempoh rancangan ini dengan 'ketidakbolehan belajar' dan jurang prestasi bandar dan luar bandar diminimakan. Usaha ke arah meminimum jurang prestasi bandar dan luar bandar ini dilakukan dengan pelbagai cara. Salah

satunya ialah memastikan penurunan kadar buta huruf dan ketidakbolehdidikan pelajar di luar bandar.

Pengkaji-pengkaji seperti Shaywitz dan Shaywitz (2004), McCardle, Scarborough dan Catts (2001), dan Syed Abu Bakar (1997) telah menekankan bahawa aspek ketidakbolehdidikan belajar pelajar adalah disebabkan kegagalan pelajar menguasai kemahiran membaca. Masalah penguasaan membaca menyebabkan ketidaksamaan pendidikan berlaku terutama sekali di peringkat menengah. Penguasaan kemahiran membaca seharusnya dikuasai oleh pelajar di peringkat awal persekolahan.

Kegagalan menguasai kemahiran membaca di peringkat menengah dalam sistem pendidikan di Malaysia akan menyumbang kepada peratusan rendah peperiksaan awam bagi sekolah-sekolah terbabit. Usaha-usaha penandaarasan sekolah-sekolah untuk menjadi sekolah cemerlang dan sekolah bestari meningkatkan lagi keperluan agar guru-guru bertindak memastikan pelajar-pelajar menguasai kemahiran-kemahiran asas seperti membaca dan menulis.

Kegagalan menguasai kemahiran membaca dan menulis akan membawa kepada masalah buta huruf di kalangan pelajar-pelajar. Zulkifli (2006) dalam rencananya menyatakan minat membaca rakyat Malaysia menurun selepas umur mereka meningkat dan kadar celik huruf di Malaysia pada tahun 2002 adalah 88.7 peratus sahaja. Penurunan kadar celik huruf ini menunjukkan minat membaca dan penguasaan kemahiran membaca akan merosot sekiranya pelajar-pelajar tidak diberi rangsangan di dalam pembelajaran mereka di sekolah. Kedudukan ini tidak

menggambarkan usaha dan program-program kurikulum yang telah dilaksanakan di peringkat sekolah daerah dan bahagian.

Penguasaan kemahiran membaca yang rendah mempengaruhi daya kefahaman pelajar terhadap apa-apa yang mereka baca. Persoalannya ialah bagaimana pelajar-pelajar di sekolah menengah ini dapat dibantu untuk memastikan mereka menguasai kemahiran membaca dan menulis yang sepatutnya dikuasai di peringkat sekolah rendah? Guru-guru dan pihak pentadbir sekolah perlu mengetahui kaedah dan strategi untuk memastikan pelajar-pelajar bermasalah pembelajaran ini menguasai kemahiran membaca dan menulis. Oleh yang demikian, kajian ke atas pelaksanaan sesebuah program pengajaran ke atas pelajar bermasalah pembelajaran ini akan dilaksanakan di dua buah sekolah yang mempunyai jumlah pelajar yang hampir sama dan berstatus Sekolah Menengah Kurang Pelajar.

1.3 Pernyataan Masalah

Ketika melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, guru sering menghadapi permasalahan pelajar yang tidak menguasai kemahiran membaca dan memahami bahan bacaan yang diberikan kepada mereka. Masalah membaca dalam kalangan pelajar sekolah menengah ini perlu diatasi dalam tempoh singkat maka satu intervensi membaca yang tepat adalah penting. Kajian ini akan meninjau keberkesanan program membaca untuk mengatasi masalah membaca dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Pemulihan kemahiran membaca telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji dalam bidang pendidikan. Namun begitu, program pemulihan sedia ada di

sekolah dilakukan oleh guru-guru dengan pengkhususan pemulihan. Sekolah-sekolah tanpa guru dengan pengkhususan pemulihan khas menghadapi masalah dengan bentuk pengajaran dan pembelajaran yang boleh membantu penguasaan kemahiran membaca pelajar sekolah menengah. Oleh yang demikian, sekolah-sekolah berkenaan memerlukan satu program pemulihan yang mudah dilaksanakan dengan menggunakan modul pembelajaran yang disediakan untuk pelajar sekolah rendah yang akan memasuki sekolah menengah.

1.4 Soalan Kajian

Kajian ini bersandarkan persoalan kajian seperti berikut:

- i. adakah pelajar dengan program Pendeta mempunyai peningkatan penguasaan kemahiran membaca selepas program?
- ii. adakah pelajar tanpa program Pendeta mempunyai peningkatan penguasaan kemahiran membaca yang sama tanpa program?
- iii. adakah wujud perbezaan peningkatan penguasaan membaca dalam kalangan pelajar Pendeta dan pelajar bukan Pendeta?

1.5 Tujuan Kajian

Berdasarkan keperluan untuk melihat keberkesanan program mengatasi masalah membaca maka tujuan kajian ini adalah:

- i. untuk mengukur pencapaian pelajar dengan Program Pendeta.
- ii. untuk membanding pencapaian pelajar dengan Program Pendeta dan pelajar tanpa program melalui ujian.

1.6 Objektif Kajian

Objektif khusus kajian adalah untuk:

- i. Membandingkan tahap pencapaian membaca huruf dalam kalangan pelajar Pendeta dan bukan Pendeta.
- ii. Membandingkan tahap pencapaian membaca suku kata dalam kalangan pelajar Pendeta dan bukan Pendeta.
- iii. Membandingkan tahap pencapaian membaca perkataan dalam kalangan pelajar Pendeta dan bukan Pendeta.
- iv. Membandingkan tahap pencapaian membaca ayat dalam kalangan pelajar Pendeta dan bukan Pendeta.

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

- H_{o1} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap prestasi membaca huruf dalam kalangan pelajar Pendeta dan pelajar bukan Pendeta.
- H_{o2} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap prestasi membaca suku kata dalam kalangan pelajar Pendeta dan bukan Pendeta.
- H_{o3} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap prestasi membaca perkataan dalam kalangan pelajar Pendeta dan pelajar bukan Pendeta.
- H_{o4} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap prestasi membaca ayat dalam kalangan pelajar Pendeta dan pelajar bukan Pendeta.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Kemahiran Membaca

Kemahiran membaca dalam kajian ini merujuk kepada penguasaan pelajar dalam membaca huruf, suku kata, perkataan dan ayat. Penguasaan kemahiran membaca membawa implikasi pelajar telah menguasai huruf, suku kata, perkataan dan ayat.

1.8.2 Huruf

Huruf merupakan asas kepada pembacaan. Penguasaan huruf dalam kajian ini merujuk kepada pembacaan lisan oleh pelajar terhadap bentuk-bentuk huruf kecil dan besar kepada pelajar. Penilaian kepada penguasaan pelajar terhadap pengenalan huruf ialah melalui sebutan.

1.8.3 Suku kata

Penguasaan suku kata dalam kajian ini merujuk kepada penyebutan bunyi suku kata. Suku kata yang diuji terdiri daripada bunyi gabungan huruf vokal dan konsonan. Suku kata yang diberi terdiri daripada satu suku kata dengan dua huruf, tiga huruf dan empat huruf. Penguasaan suku kata dinilai melalui sebutan.

1.8.4 Perkataan

Penguasaan perkataan berlaku apabila pelajar berjaya membaca perkataan yang diberikan dalam ujian. Perkataan yang diberi terdiri daripada perkataan yang mempunyai unsur bunyi diftong, gabungan huruf vokal, gabungan huruf konsonan dan imbuhan. Penguasaan perkataan bermakna pelajar telah menguasai peringkat mengenali huruf dan bunyi suku kata.

1.8.5 Ayat

Ayat dalam kajian ini merujuk kepada gabungan beberapa perkataan yang membawa makna tertentu. Dalam kajian ini, penguasaan ayat diukur melalui pembacaan ayat secara lengkap dan betul. Bentuk penguasaan membaca ayat berlaku apabila pelajar berjaya membaca ayat ringkas yang diberi. Ayat ringkas ini terdiri daripada lima perkataan sehingga lapan perkataan sahaja. Ayat yang diberi terdiri daripada perkataan-perkataan yang mempunyai unsur-unsur subkemahiran yang telah diajar.

1.8.6 Program Pendeta

Program ini dibentuk sebagai satu cara menangani masalah membaca di kalangan pelajar Tingkatan satu berprestasi rendah. Pelaksanaan program ini dilakukan mengikut set kemahiran bacaan yang telah ditetapkan oleh pelaksana program.

1.8.7 Pelajar berprestasi rendah

Pelajar berprestasi rendah dalam kajian ini bermaksud pelajar-pelajar di Tingkatan satu yang mendapat gred D dan E bagi kedua-dua kertas Bahasa Melayu Penulisan dan Bahasa Melayu Pemahaman dalam keputusan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

1.9 Kepentingan Kajian

Kemahiran membaca adalah satu kemahiran asas penting untuk menambah ilmu (Khamis, 1985). Di samping itu, kemahiran membaca akan mengasah pemikiran individu untuk memahami, mengetahui, menganalisis dan seterusnya memberi makna kepada sesuatu maklumat yang diperoleh. Tanpa kemahiran membaca, seseorang pelajar akan mengalami masalah pembelajaran. Masalah membaca dikaitkan dengan kognitif pelajar (Vellutino, Scanlon, Small & Fanuele, 2006). Pelajar-pelajar ini perlu dibantu untuk meningkatkan kemahiran membaca untuk memastikan mereka bersaing secara saksama dengan rakan-rakan mereka.

Kajian ini akan mengkaji aspek-aspek seperti bentuk rawatan dan kaedah yang harus digunakan untuk memastikan penguasaan kemahiran membaca di kalangan kelompok sasaran kajian ini. Sehubungan dengan itu, hasil kajian ini akan dapat memberikan gambaran tentang keperluan sebenar pelajar-pelajar berprestasi rendah di dalam akademik khususnya di sekolah menengah. Pihak pentadbir sekolah akan dapat melihat isu ini dengan lebih teliti dan khusus sekiranya penguasaan pelajar-pelajar sasaran tidak memuaskan sehingga akhir program.

Kajian ini akan membantu pihak pentadbir sekolah-sekolah bermasalah sama untuk mendapatkan bantuan teknikal daripada Bahagian Pendidikan Khas bagi menangani masalah pembelajaran ini. Para guru pula dapat pengetahuan tentang strategi dan pendekatan yang perlu diambil untuk meningkatkan penguasaan kemahiran membaca pada masa akan datang.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai limitasi dalam beberapa perkara:

- i. Kajian ini menggunakan Program Pendeta yang merupakan program kurikulum berbentuk pemulihan yang bertujuan meneguhkan pengetahuan sedia ada pelajar dalam kemahiran membaca pada peringkat sekolah sahaja dan tidak dilaksanakan di sekolah-sekolah lain.
- ii. Berdasarkan bilangan peserta yang terhad, dapatan kajian ini hanya dapat menggambarkan hasil program yang dilaksanakan di sekolah yang berkenaan. Dengan itu hasil kajian ini hanya dapat digunakan untuk sekolah-sekolah yang melakukan program yang hampir serupa. Walau bagaimanapun proses dan pengalaman yang diperolehi oleh pengkaji boleh dimanfaatkan oleh penyelidik kajian tindakan yang lain.
- iii. Kajian ini hanya untuk tujuan penguasaan pelajar dalam kemahiran membaca sahaja. Oleh itu, kajian ini tidak dapat mengukur tahap penguasaan pelajar dalam kemahiran-kemahiran belajar yang lain.